

## **ANALISA PENSEJARAHAN BERKAITAN FAKTOR PERKEMBANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN PONDOK DI NEGERI KELANTAN**

**Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin\***

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

**Rahimin Affandi Abd. Rahim**

Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

**Muhammad Yusri Yusof@Salleh**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

**Abd. Munir Mohd Noh**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Perak, Malaysia

**Paiz Hassan**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

**Muhd Imran Abd Razak**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

\*Corresponding Author's Email: mohdz560@uitm.edu.my

### **Article history:**

*Received* : 20 Oktober 2023

*Accepted* : 13 November 2023

*Published* : 22 Disember 2023

### **ABSTRAK**

Kedatangan Islam ke negeri Kelantan sekitar abad ke-12M telah memberi pengaruh yang besar kepada beberapa aspek Islamisasi termasuk bidang pendidikan. Pada peringkat awal, masyarakat yang memerlukan pendidikan agama bertumpu di surau, masjid dan rumah guru yang disampaikan oleh para agamawan dan ulama. Setelah

melalui beberapa fasa, maka terbentuklah institusi pondok yang merupakan institusi pendidikan formal yang terawal di Malaysia umumnya dan di negeri Kelantan khasnya. Perkembangan institusi pondok sekitar abad ke-19M dan akhir abad ke-20M begitu pesat sehingga negeri Kelantan diistilahkan sebagai negeri "Serambi Mekah". Walaupun penubuhan institusi ini telah mengalami kemerosotan dari aspek pengelakan dan keadaan semasa, namun sejarah perkembangannya sewajarnya dikenangkan sebagai satu sumber maklumat yang penting terhadap generasi kini. Justeru, penulisan ini akan menghuraikan analisa pensejarahan berkaitan faktor-faktor perkembangan institusi pendidikan pondok di negeri Kelantan. Metodologi penulisan ini ialah kaedah kualitatif sepenuhnya dengan menganalisis dokument-dokumen berkaitan seperti buku, artikel jurnal dan prosiding. Data-data yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif dan kandungan bagi menghuraikan fakta yang berkaitan. Dapatkan penulisan ini mendapat sejarah perkembangan institusi pondok di Kelantan mengalami proses yang panjang sehingga institusi ini mencapai kegemilangan pada satu ketika dahulu. Tambahan pula, beberapa faktor utama mempengaruhi perkembangan institusi pondok iaitu kelahiran para ulama, tumpuan masyarakat, usaha para ulama, sokongan pemerintah serta sokongan masyarakat tempatan. Rumusnya, institusi pondok merupakan institusi pendidikan Islam tradisional yang masih lagi dapat dikekalkan dan amat sinonim dengan negeri Kelantan sehingga kini.

**Kata Kunci :** Sejarah; Perkembangan; Faktor; Institusi Pondok; Kelantan

## ***ANALYSIS OF HISTORICAL ASPECTS RELATED TO THE DEVELOPMENT FACTORS OF PONDOK EDUCATIONAL INSTITUTIONS IN THE STATE OF KELANTAN***

### ***ABSTRACT***

*The arrival of Islam in the state of Kelantan around the 12th century AD had a significant influence on various aspects of Islamization, including education. In its early stages, the religious education needs of the community were met in suraus, mosques, and the homes of teachers, delivered by religious scholars and clerics. After passing through several phases, the pondok institution was established, which was one of the earliest formal education institutions in Malaysia in general and in the state of Kelantan in particular. The development of the pondok institution around the 19th century AD and late 20th century AD was so rapid that Kelantan was known as the "Gateway to Mecca." Although the establishment of this institution has faced challenges in terms of maintenance and current conditions, its history should be highlighted as an important source of information for the current generation. Therefore, this writing will elucidate the historical analysis related to the development factors of pondok educational institutions in the state of Kelantan. The methodology of this writing is entirely qualitative, involving the analysis of relevant documents such as books, journal articles, and proceedings. The data obtained will be analyzed descriptively to explain relevant facts. The findings of this*

*writing reveal that the history of the development of pondok institutions in Kelantan underwent a long process, reaching its zenith at one point in time. Furthermore, several key factors influenced the development of pondok institutions, including the birth of scholars, community focus, the efforts of scholars, government support, and local community support. In summary, the pondok institution remains a traditional Islamic education institution that has been preserved and is closely associated with the state of Kelantan until today."*

**Keywords:** History; Development; Factors; Pondok Institutions; Kelantan

## PENDAHULUAN

Menurut Rahimin Affandi Ab. Rahim (2010), unsur-unsur yang perlu diperhatikan dalam menyelusuri pertapakan dan perkembangan Islam pada sesuatu kawasan ialah kewujudan institusi masjid, institusi pendidikan, kelahiran para ulama, karya-karya para ulama, makam para ulama, bukti-bukti artifak serta pengaruh pemikiran Islam yang kekal mendominasi masyarakat. Kewujudan Masjid Kampung Laut yang merupakan masjid tertua di Malaysia serta kewujudan institusi pendidikan pondok merupakan antara bukti kelestarian Islam telah mempengaruhi kehidupan masyarakat di negeri Kelantan sejak sekian lama. Tambahan pula, negeri Kelantan dikenali sebagai negeri “Serambi Mekah” selain negeri Aceh di Indonesia Patani di Selatan Thailand. Menurut Rahimin Affandi Ab. Rahim (2015), “Serambi Mekah” memberi maksud para penuntut ilmu yang ingin meneruskan pengajian ke Mekah perlu belajar di pondok-pondok pengajian yang ada di negeri Kelantan atau pelajar yang menuntut ilmu di pondok-pondok pengajian di Kelantan boleh dikatakan setaraf dengan pelajar yang menuntut ilmu di Mekah. Berdasarkan pandangan Farrah Wahida Mustafar (2021), kewujudan institusi masjid serta institusi pendidikan pondok merupakan kesan yang sangat penting kepada Islamisasi kehidupan masyarakat melayu dari aspek pemikiran dan sosiobudaya sehingga mereka meninggalkan cara hidup dan amalan-amalan yang dipraktikkan sebelum ini.

Institusi pengajian pondok amat sinonim dengan negeri Kelantan dan mencapai kegemilangan pada abad ke-19M dan ke-20M. Ini berikutan ramai para ulama telah mengasaskan institusi pengajian pondok di kebanyakan tempat di negeri Kelantan kerana keperluan masyarakat pada masa itu yang sangat berminat dengan ilmu pengetahuan. Para pelajar pondok bukan sahaja terdiri daripada masyarakat tempatan namun ramai juga pelajar-pelajar dari luar Kelantan contohnya dari Indonesia dan Kemboja. Walau bagaimanapun, semasa bermulanya era penjajahan dan sistem pendidikan telah berkembang kepada institusi persekolahan serta universiti, maka institusi pengajian pondok mula mengalami sedikit kemerosotan apabila masyarakat mula cenderung menghantar anak-anak mereka ke institusi tersebut. Tambahan pula, beberapa faktor telah menyebabkan institusi pengajian pondok mula merosot sehingga ada yang terpaksa ditutup serta menukar status daripada institusi pondok ke madrasah. Namun, sehingga kini, institusi pondok masih lagi bertahan dan berperanan dalam penyebaran ilmu-ilmu Islam dan dakwah Islam walaupun tidak sebagaimana dahulu

## SOROTAN LITERATUR

### Kedatangan Islam Ke Negeri Kelantan

Negeri Kelantan merupakan antara negeri terawal yang menerima Islam di Malaysia selepas negeri Kedah (10M) dan negeri Pahang (11M) (Mohd Zahirwan Halim, 2012). Namun, para sarjana sepakat mengatakan bahawa Islam telah masuk ke Kelantan lebih awal daripada kerajaan Melaka yang menerima Islam pada abad ke-15M (Rentse, A., 1934; Syed Naguib Al-Attas, 1970; Wan Hussein Azmi, 1980). Melaka merupakan negeri yang berperanan menyebar dan mengembangkan ajaran Islam di alam melayu sesuai dengan statusnya sebagai empayar yang sangat besar dan kuat satu ketika dahulu (Wan Shamsuddin Mohd Yusof, 2012).

Walaupun kajian tentang sejarah kedatangan Islam ke negeri Kelantan dikatakan belum dikaji dengan teliti, namun terdapat beberapa penulisan dan karya sejarah yang dapat memberi gambaran berkaitan perkara tersebut (Khoo Kay Kim, 1983). Islam dikatakan tersebar di Kelantan melalui Patani (Hamdan Hassan, 1980; Rahmat Saripan, 1979; Abdullah Jusoh, 1990; Saad Shukri Hj. Muda, 1971; Hall, D.G.E., 1981), Aceh (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2000; Winstedt, R.O., 1948), Champa (Abdullah Ishak, 1990; Ab. Razak Mahmud, 2002), Yunan (Rentse, A., 1934) dan China (Fatimi, S.Q., 1963; Mahayuddin Yahya & Ahmad Jelani Halimi, 1996).

Menurut pandangan kebanyakan para sarjana juga, Islam dikatakan telah mula bertapak di Kelantan pada abad ke-12M. Pandangan ini berdasarkan kepada penemuan duit atau wang emas di Kubang Labu yang terletak di tebing barat Sungai Kelantan berhadapan dengan bandar Kota Bharu pada tahun 1912M yang bertarikh 557H iaitu bersamaan 1181M. Duit ini bertulis huruf Arab “al-Julus Kelantan 577” dan disebelahnya bertulis “al-Mutawakkil” (Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, 1985; Arbaiyah Mohd Noor, 2008; Mohd Roslan Mohd Noor, 2012; Shaharuddin Pangilun, 2017). Dengan penemuan ini, sejarawan tempatan telah memutuskan bahawa kewujudan Islam di Kelantan adalah sebelum tahun 1181M dan pandangan mereka disokong dan diperkuatkan oleh *Kitab Jeografi dan Tarikh Negeri Kelantan* yang menyatakan Islam telah mempengaruhi pentadbiran dalam negeri Kelantan sejak 1181M (Abdullah Alwi Hj. Hassan, 1996).

Namun demikian, ada juga pandangan yang mengatakan Islam tiba di Kelantan pada abad ke-13M dan ke-14M (Roff, W.R., 1974; Paul Wheatley, 1961). Pandangan ini berdasarkan kepada penemuan Batu Bersurat di Terengganu yang bertarikh 1303M. Tarikh ini menunjukkan negeri-negeri melayu di Pantai Timur telah menerima Islam satu abad lebih awal dari negeri Pantai Barat (Syed Naguib Al-Attas, 1970). Batu Bersurat ini membuktikan Islam telah tersebar di negeri-negeri Pantai Timur Tanah Melayu pada abad ke-14M sebelum ke Melaka (Winstedt, R., 1961). Paul Wheatley (1961) menyatakan bahawa jika diambil kira kepada penemuan Batu Bersurat Terengganu abad ke13/14M tersebut dan peranan Kuala Berang sebagai pelabuhan dan telah wujud komuniti Islam di sekitar pantai timur, Islam mungkin tersebar di Pahang dan Kelantan berdasarkan hubungan dan kesatuan geografi yang berdekatan serta bersebelahan di antara satu sama lain pada kurun ke-13M.

Walau bagaimanapun, kebanyakan sejarawan telah mengaitkan bukti kedatangan Islam ke Kelantan adalah penemuan syiling emas di Kota Kubang Labu yang bertarikh 577H/1181M iaitu pada abad ke-12M. Walaupun terdapat pandangan-pandangan lain yang dikemukakan, ia adalah berkait rapat dengan kedatangan Islam di negeri-negeri yang berjiran dengan Kelantan seperti Patani, Terengganu dan Pahang. Perkaitan kedatangan Islam ke Kelantan dengan negeri-negeri tersebut adalah berdasarkan faktor geografi kerana kedudukan negeri-negeri tersebut berhampiran dengan negeri Kelantan.

### **Perkembangan Institusi Pengajian Pondok Di Kelantan**

Dalam pendidikan Islam, pondok bermaksud rumah-rumah kecil yang menjadi tempat tinggal para pelajar yang dibina secara tersusun dan terletak berhampiran masjid atau rumah guru di sebuah tempat yang khusus. Ciri-ciri khusus yang ada pada sesebuah institusi pondok seperti rumah kecil (pondok), madrasah, masjid dan rumah guru telah memperlihatkan istilah pondok secara khususnya dikenali sebagai pusat pendidikan Islam di Alam Melayu (Masyurah Mohd Rawi et.al., 2015). Pendidikan pondok di Malaysia pada peringkat awal dikatakan bermula di Kelantan. Institusi pondok telah diasaskan oleh para ulama pada awal kurun ke 19 M di negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah. Institusi pondok ini telah diasaskan dengan tujuan mendidik masyarakat tempatan untuk memahami hukum-hukum Islam dan cara-cara beribadat (Rosnani Hashim et.al., 2011; Mohd Roslan Mohd Nor et.al., 2012). Institusi pengajian pondok di negeri Kelantan berkembang pesat pada abad tersebut kerana banyak pondok-pondok ditubuhkan untuk memenuhi keperluan ilmu di kalangan masyarakat Islam di Kelantan atau dari luar Kelantan pada masa itu (Nur Azuki Yusuff & Nik Kamaliah Nik Abdullah, 2007).

Sejak kedatangan Islam ke negeri Kelantan, masyarakat negeri Kelantan telah berusaha menghayati ajaran Islam dengan memperkuatkan keimanan dan kepercayaan mereka sebaik-baiknya (Roff, W., 1974). Pada peringkat awal, masyarakat tertumpu kepada masjid, surau dan rumah guru dalam mendapatkan pendidikan agama khususnya untuk mempelajari al-Quran. Apabila pendidikan Islam semakin mendapat perhatian daripada masyarakat setempat dan masyarakat luar hasil pengaruh dan kredibiliti seseorang guru atau ulama, maka alternatif telah diambil untuk mengasaskan sistem pengajian pondok sebagai satu sistem pendidikan formal terawal dalam kalangan masyarakat melayu tradisional di Malaysia amnya dan Kelantan khususnya.

Pembangunan institusi pondok di Kelantan berkait rapat dengan perkembangan dan suasana keislaman yang berlaku di Kelantan sehingga institusi tersebut menjadi pusat kegiatan keilmuan dari abad ke 18 M hingga abad ke 20 M. Institusi pondok merupakan institusi yang paling berpengaruh dalam masyarakat Melayu pada masa itu (Ezad Azraai Jamsari et.al., 2011). Institusi pengajian pondok di Kelantan juga merupakan institusi pengajian Islam yang kukuh di Nusantara serta mempunyai keistimewaan-keistimewaannya yang tersendiri (Rosnani Hashim et.al., 2011). Negeri Kelantan juga dikatakan pemangkin kepada perkembangan institusi ini ke negeri-negeri lain.

Para sarjana juga membincangkan berkenaan asal usul sistem pengajian pondok yang diasaskan oleh para ulama khususnya di negeri Kelantan. Terdapat pandangan mengatakan bahawa sistem pengajian pondok berasal dari Pasai (HAMKA, 1981), Aceh dan Patani (Ramli Saadon, Khairi Arifin & Ishak Saat, 2016). Pandangan yang mengatakan penubuhan institusi ini mendapat pengaruh dari Patani disebabkan ramai ulama-ulama Kelantan pada masa itu mendapat pendidikan di institusi pengajian pondok di Patani sebelum meneruskan pengajian ke Masjidil Haram di kota Mekah. Tambahan pula, negeri Kelantan sememangnya berdekatan dan bersempadan dengan Patani dan mengamalkan cara hidup kemelayuan yang sama.

Kaedah pengajian yang dilaksanakan adalah sebagaimana kaedah pengajian di Mekah dan Kaherah iaitu secara talaqqi musyafahah di dalam halaqah-halaqah ilmu (Ainatul Fathiyah & Mohamad Zaini, 2015). Pengajian di institusi pondok menekankan pengajian akidah berteraskan Ahli Sunnah wal Jamaah, Fiqh Imam Syafie dan Tasawuf Imam al-Ghazali. Kesucian agama Islam juga dapat dipertahankan kerana institusi ini berperanan sebagai pusat memperkasakan akidah, syariat dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam semasa era penjajahan (Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Mohd Shafiee Hamzah, 2019).

Sebelum tahun 1940M, bilangan pondok di Kota Bharu berjumlah ratusan buah (Mohd Roslan Mohd Nor et al, 2012). Pondok pertama yang didirikan di Kelantan ialah pondok di Pulai Condong yang diasaskan oleh Haji Ab. Samad Abdullah atau Tok Pulai Chondong (1792-1874M) sekitar tahun 1820M (Mohammad Ridzuan Othman, 2001; Ramli Saadon et al., 2016). Tok Pulai Chondong merupakan antara ulama yang terkenal di Kelantan dan beliau juga dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak istana Kelantan pada masa itu. Tok Pulai Chondong merupakan pelopor kepada pembangunan sistem pondok di negeri Kelantan. Beliau juga telah mewakafkan tanahnya untuk pembangunan pondok dan telah membina sebuah masjid sebagai tempat pengajian (Ezad Azraai Jamsari et al, 2011). Selepas itu, institusi pengajian pondok terus berkembang di negeri Kelantan dan boleh dikatakan setiap daerah mempunyai pusat pengajian pondok.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menumpukan kepada metode analisis dokumen merangkumi buku, jurnal, prosiding dan seumpamanya. Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan kaedah deskriptif dan analisis kandungan dalam menghuraikan fakta-fakta dan huraian yang berkaitan. Data yang diperolehi akan dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang sebenar berkenaan kajian yang dilakukan. Menurut Othman Lebar (2017), analisis dokumen dan rekod sangat diperlukan untuk memahami sejarah dan persekitaran berkaitan kajian yang dilakukan.

Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah pensejarahan (Historis) iaitu sekumpulan prinsip dan peraturan yang sistematik bertujuan membantu usaha mengumpul sumber-sumber sejarah dengan berkesan, meneliti dan mengkaji sumber-sumber tersebut dengan kritis dan membentangkan suatu sintesis (umumnya

dalam bentuk penulisan) daripada hasil-hasil yang di perolehi (Muhd Yusuf Ibrahim, 1997). Kaedah sejarah digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu peristiwa yang telah berlaku dan menerangkan secara sistematik mengapa ia berlaku. Kaedah penerokaan dan deskriptif pula digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang peristiwa, perkembangan atau pengalaman yang sedang berlaku untuk mengumpul serta menentukan bukti dan fakta secara sistematik dan objektif. Dalam penyelidikan sejarah, penyelidik membuat kesimpulan yang menerangkan mengapa dan bagaimana sesuatu peristiwa, perkembangan dan pengalaman tersebut berlaku (Mohd Majid Konting, 2000). Cara penyelidikan sejarah memberi laluan bagi menilai secara objektif dan sistematik pengumpulan data supaya dapat membuat kesimpulan tentang acara yang sudah berlaku. Pengumpulan fakta adalah sistematik dengan menggunakan segala kaedah antaranya penelitian dokumen dan rekod bagi memastikan perincian yang holistik (Othman Mohamed, 2001).

## **ANALISA PENSEJARAHAN BERKAITAN FAKTOR-FAKTOR PERKEMBANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN PONDOK DI KELANTAN**

Sejak kedatangan Islam ke negeri Kelantan yang dikatakan pada abad ke-12M, maka perkembangan syiar Islam mula diberi penekanan terutamanya berkaitan pendidikan Islam. Pada peringkat awal, tempat-tempat yang menjadi tumpuan masyarakat untuk menuntut ilmu ialah masjid, surau dan rumah guru. Apabila keperluan masyarakat terhadap ilmu pengetahuan semakin mendesak, maka institusi pengajian pondok telah diasaskan sebagai pusat pendidikan Islam yang paling awal di Malaysia khususnya di negeri Kelantan. Penubuhan institusi ini mempunyai beberapa faktor dalamnya yang berkaitan dengan suasana persekitaran, politik serta cara hidup masyarakat negeri Kelantan satu ketika dahulu. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan institusi pengajian pondok di Kelantan adalah sebagaimana berikut:

### **a) Kelahiran Para Ulama**

Kemunculan institusi pengajian pondok di Alam Melayu sering dikaitkan dengan tahap keilmuan, kredebiliti, kepakaran dan kewibawaan para guru atau ulama dalam hal ehwal keagamaan (Suliah Mohd Aris, et.al., 2015). Pada awal abad ke-19M dan ke-20M, negeri Kelantan melahirkan puluhan guru dan ulama yang pulang dari dua pusat pengajian utama pada masa itu iaitu di Patani dan di Timur Tengah khususnya Mekah. Mereka telah mengasaskan pusat-pusat pengajian pondok apabila pulang ke tanahair untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan ajaran Islam. Institusi pengajian pondok telah menarik minat ramai penuntut yang datang dari pelbagai negara untuk menuntut ilmu-ilmu agama di negeri Kelantan (Mohd Roslan Mohd Nor et.al., 2012; Arba’iyah Mohd Noor, 2008). Negeri Kelantan juga pada satu ketika merupakan negeri yang mempunyai paling ramai ulama yang berkaliber. Perkara ini berikutan negeri tersebut merupakan negeri yang menjadi pusat pendidikan Islam dan melahirkan ramai ulama yang menyumbang kepada perkembangan Islam.

Para ulama sangat aktif dalam menyampaikan dakwah dan ilmu serta diiktiraf oleh masyarakat (Arbaiyah Mohd Noor, 2008). Justeru, para ulama telah membuka pusat pengajian pondok secara sukarela bagi mengembangkan pendidikan agama Islam. Antara ulama-ulama tersohor yang mengasaskan institusi pengajian pondok di Kelantan ialah Haji Ab. Samad Faqih Abdullah (Tok Pulai Chondong) (1792-1874M), Haji Wan Abdul Samad Muhammad Saleh (Tuan Tabal) (1840-1891M), Haji Mohd Yusoff Ahmad (Tok Kenali) (1870-1933M), Haji Abdul Rahman Haji Osman (Tok Selehor) (1872-1935M), Haji Abdul Malek Hasan (Tuan Guru Haji Abdul Malek Sungai Pinang) (1834-1934M) Haji Abdullah Tahir Haji Ahmad (Tuan Guru Haji Abdullah Bunut Payong) (1897-1961M), Haji Mohd. Ali Solahuddin Awang (Haji Ali Pulau Pisang) (1899-1968) dan Haji Daud Shamsuddin Haji Omar (Tuan Guru Haji Daud Bukit Abal) (1906-1976M).

### b) Tumpuan Para Pelajar

Kewujudan institusi pengajian pondok di Kelantan telah memberi impak yang sangat penting kepada perkembangan pendidikan Islam di negeri tersebut. Institusi tersebut yang dikelola dan dibimbing oleh para ulama terkenal satu masa dahulu telah menarik ramai pelajar sama ada dalam kalangan masyarakat tempatan atau Nusantara contohnya dari Indonesia, Cambodia dan Selatan Thailand. Semasa zaman kegemilangan institusi ini pada abad ke-19 dan ke-20M, para pelajar dari segenap tempat telah bertumpu ke Kelantan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Ini memandangkan ulama-ulama tersohor telah membuka institusi pengajian pondok contohnya Tok Kenali (1870-1933M), Tok Selehor (1871-1935M), Tuan Tabal (1840-1894M), Tok Wan Ali Kutan (1837-1915M) dan Tok Kemuning (1885-1934M) (Ismail Che Daud, 2001). Pertambahan tokoh-tokoh ulama yang berwibawa menjadikan institusi pondok di Kelantan berkembang pesat. Dengan perkembangan ini, ramai pelajar dari dalam dan luar negeri telah belajar di Kelantan untuk mendalami ilmu-ilmu agama (Arba'iyah Mohd Noor, 2008). Antara faktor perkembangan institusi pengajian pondok ialah kedatangan para pelajar dari pelbagai tempat terutamanya dari tempat yang jauh. Contohnya, Tok Pulai Chondong (1792-1874M) telah menggalakkan para pelajarnya untuk membina pondok sebagai tempat tinggal memandangkan para pelajarnya berasal dari luar negeri Kelantan seperti dari Kampar, Sumatera, Cambodia, Patani serta dari negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu (Ezad Azraai Jamsari et al, 2011).

Oleh itu, para guru dengan kerjasama penduduk kampung mengambil inisiatif dengan membina pondok-pondok di sekitar rumah guru, surau dan masjid sebagai kediaman dan penginapan pelajar sepanjang tempoh pengajian. Justeru itu, boleh dikatakan asal usul pengajian pondok itu sendiri merujuk kepada sistem pengajian yang diperaktikkan yang telah membentuk sistem pengajian baharu berteraskan rumah guru, surau atau masjid dan rumah kecil atau pondok kediaman pelajar. Menurut Mohd Roslan Mohd Nor et al. (2012), pondok-pondok di Kelantan didirikan berhampiran dengan surau atau masjid untuk memudahkan para pelajar berulang alik dan menuntut ilmu.

Para pelajar akan sentiasa berada dekat dengan guru, hidup berdikari serta membantu guru untuk menjana pendapatan bagi kelangsungan hidup semasa

pengajian. Para pelajar juga kelazimannya akan mengembara dari satu pondok ke pondok yang lain untuk mempelajari ilmu. Metode ini merupakan salah satu langkah dalam mendapatkan ilmu pengetahuan dalam sistem pendidikan tradisional. Ibnu Khaldun (2004) juga menyatakan bahawa tradisi pengembalaan ilmu (*reahlah ilmiyah*) adalah antara salah satu daripada metode pendidikan yang diamalkan oleh para ilmuan Islam sejak dahulu lagi. Menurut beliau, keutamaan *reahlah ilmiyah* dengan para guru yang ramai ialah ilmu yang diperolehi semakin mendalam, meningkatkan tahap keilmuan dan kesarjanaan, membezakan sesuatu pandangan serta memperbaiki kekurangan ilmu yang dikuasai. Selain itu, seseorang individu juga akan mempelajari budi pekerti dan mencontohi keperibadian seseorang guru.

#### c) Usaha Para Ulama

Perkembangan institusi pondok berlaku dengan pesat di Kelantan kerana pengaruh yang kuat daripada ulama tersohor Kelantan, Tok Kenali (1868-1933M). Usaha yang dijalankan oleh beliau dan ulama-ulama lain telah menjadikan institusi pondok di Kelantan semakin berkembang dan masyhur (Abdullah Ishak, 1987). Pertambahan tokoh-tokoh ulama yang berwibawa dari semasa ke semasa merancakkan lagi pembangunan institusi pengajian pondok di Kelantan. Senario ini memperlihatkan pembangunan pendidikan Islam di Kelantan semakin pesat. Institusi pengajian pondok semakin berkembang dan banyak dibangunkan untuk menyebarkan syiar Islam. Institusi pengajian pondok di Kelantan bukan sahaja terkenal sebagai pusat pendidikan Islam di Semenanjung Malaysia tetapi juga di Asia Tenggara. Tambahan pula, para ulama memberi ilmu dan pendidikan kepada masyarakat secara ikhlas dan mengharapkan keredaan Allah SWT semata-mata. Mereka banyak mengorbankan masa dan tenaga dalam memartabatkan syiar Islam melalui institusi yang mereka bangunkan. Tambahan pula, mereka berperanan dalam membendung perkara-perkara khurafat, syirik dan perbuatan-perbuatan yang bercanggah dengan Islam yang mungkin diamalkan oleh sesetengah anggota masyarakat satu ketika dahulu. Contohnya Tuan Guru Haji Abdul Malek Sungai Pinang yang berusaha untuk menghapuskan amalan memuja kubur dan ilmu sihir dalam kalangan masyarakat satu ketika dahulu (Muhammaad Razis Ismail, 2020).

Antara pondok-pondok yang terkenal di Kelantan pada abad ke-19M dan abad ke-20M antaranya ialah Pondok Kenali (1910M), Pondok Terusan (1954M), Pondok Kubang Pasu (1850M) dan Pondok Bunut Payung (1931M) di Kota Bharu, Pondok Selehor (1912M) dan Pondok Sungai Pinang (1907M) di Tumpat, Pondok Padang Jelapang (1925M), Pondok Kubang Bemban (1937M), Pondok Lubok Tapah (1932M) dan Pondok Banggol Setol (1953M) di Pasir Mas serta Pondok Sungai Durian (1958M) di Kuala Krai.

#### d) Sokongan Dan Galakan Daripada Pemerintah

Antara faktor perkembangan institusi pondok di Kelantan ialah sokongan dan galakan daripada pemerintah dan pembesar negeri yang ingin melihat perkembangan syiar Islam di Kelantan. Sejak zaman Sultan Muhammad I (1800-1837M), para ulama telah diberikan status yang tinggi dalam masyarakat setelah mereka pulang

dari menuntut ilmu di Patani dan Mekah (Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat, 2019). Baginda juga dikenali sebagai seorang yang pemurah dan cintakan agama. Pada zamannya, Kelantan telah masyhur sebagai negeri yang aman dan makmur. Sesetengah pengkaji mengatakan tahun 1830-an adalah tarikh bermulanya jawatan mufti sebagai pakar rujuk dan perunding dalam urusan perhukuman Islam. Baginda telah melantik Syeikh Ab. Halim sebagai penasihat dan guru agama di istana (Roff, W.R., 1974). Pelantikan Syeikh Ab. Halim ini telah banyak mempengaruhi baginda dalam meningkatkan syiar Islam antaranya mendirikan rumah wakaf di Mekah dan Madinah, mendirikan surau-surau dan juga wakaf untuk berehat bagi para musafir. Jenayah juga telah berkurangan kerana pengajaran agama Islam telah diterima sebahagian besar rakyat dan pendidikan Islam telah membendung rakyat daripada melakukan kesalahan (Khoo Kay Kim, 1982).

Para ulama juga telah diberikan status yang tinggi serta berperanan sebagai pemimpin, pakar rujuk dan penasihat kepada para sultan seterusnya. Mereka telah diberikan penghormatan yang tinggi oleh pemerintah dan masyarakat. Contohnya Tok Pulai Chondong (1792-1874M), Tok Bachok (1868-1953M), Tok Kenali (1868-1933M), Tuan Guru Haji Abdul Malek Sungai Pinang (1834-1934M) dan Tuan Tabal (1819-1891M).

#### e) Sokongan Daripada Anggota Masyarakat

Masyarakat negeri Kelantan majoritinya adalah beragama Islam dan kebanyakannya mengamalkan cara hidup, budaya dan tradisi Islam dalam kehidupan. Dalam meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap tuntutan agama Islam, maka komuniti telah menyokong dan melibatkan diri dalam membantu usaha para ulama untuk membangunkan institusi pendidikan Islam. Kepentingan pendidikan Islam terhadap masyarakat sememangnya amat diperlukan dalam memantapkan akidah, ibadah dan akhlak serta menangani amalan-amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam yang bercirikan syirik atau khurafat.

Sistem pengajian yang dipraktikkan di institusi pengajian pondok juga dapat membentuk suasana keilmuan di kalangan anggota masyarakat sehingga dapat mengekang pengaruh-pengaruh Barat dan Kristian semasa zaman penjajahan (Salmiah Ismail, 2014). Masyarakat telah menyokong usaha memartabatkan institusi ini dengan memberi bantuan berbentuk tanah-tanah wakaf, menyumbang bantuan kewangan untuk membiayai perbelanjaan pondok serta memberikan zakat dan sedekah kepada para guru untuk menyara hidup mereka (Mohamad Abu Bakar, 1985; Ramli Saadon et.al, 2016). Institusi pengajian pondok juga sangat dekat dengan masyarakat kerana para guru pondok menjadi rujukan mereka dalam hal ehwal keagamaan. Justeru itu, penghormatan yang tinggi telah diberikan oleh masyarakat terhadap warga pondok sama ada kepada guru atau pelajar sehingga mereka membantu memenuhi keperluan warga pondok melalui insiatif-insiatif tersebut (Suliah Mohd Aris, 2015).

Anggota masyarakat juga turut serta dalam aktiviti-aktiviti yang dilakukan di institusi ini contohnya menghadiri kuliah-kuliah berbentuk *umumi* untuk membolehkan mereka menghadiri majlis ilmu yang diadakan. Hubungan anggota masyarakat dan warga pondok juga sangat akrab sehingga aktiviti-aktiviti berbentuk

amalan dan kegiatan keagamaan dilaksanakan dengan penglibatan secara bersama. Contohnya, warga pondok akan dijemput untuk mengurus dan menunaikan solat jenazah apabila berlaku kematian, menghadiri majlis tahlil dan bacaan al-Quran, menunaikan solat hajat, majlis *tahnik* (bercukur) serta bantuan perubatan Islam. Selain daripada itu, para guru dan lepasan institusi pengajian pondok juga dijemput untuk memberikan kuliah dan ceramah agama di masjid-masjid atau surau-surau yang berada di kawasan sekitar.

## KESIMPULAN

Institusi pengajian pondok memberikan sumbangan yang besar ke arah membentuk suasana dan budaya ilmu serta pemikiran masyarakat di alam Melayu khususnya di negeri Kelantan. Realitinya, institusi ini merupakan antara inisiatif utama para ulama alam Melayu khususnya dalam memberikan pendidikan Islam kepada masyarakat. Sokongan yang diterima daripada pemerintah dan masyarakat itu sendiri telah memberi gambaran bahawa institusi ini sangat signifikan dalam pendidikan Islam dan dakwah sehingga ianya muncul sebagai institusi pendidikan formal yang paling awal di Malaysia khususnya dan alam Melayu amnya.

Penelitian sejarah terhadap sesuatu institusi sememangnya perlu diberi penekanan dalam melihat kewajaran perkembangan sesebuah institusi dalam masyarakat. Ianya sebagai satu informasi yang bermanfaat ke arah memberikan pengiktirafan yang sesuai terhadap sumbangan dan kepentingan sesebuah institusi dalam memartabatkan serta memupuk budaya ilmu. Institusi pengajian pondok telah berperanan dalam proses tersebut selain melaksanakan dasar Islamisasi sehingga ianya menjadi sebahagian daripada keperluan masyarakat satu ketika dahulu. Kredebiliti dan kealiman seseorang guru pondok pula telah menjadi satu daya tarikan dalam menimbulkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap keilmuan dan pengetahuan berkaitan ilmu-ilmu Islam.

Daripada pengamatan dan penelitian yang dilakukan, maka dapat disimpulkan bahawa beberapa faktor utama telah mendokong perkembangan institusi pengajian pondok di negeri Kelantan yang mencapai kemuncaknya pada abad ke-19M hingga ke-20M. Kolaborasi, gandingan serta kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak sama ada tuan guru, pemerintah dan masyarakat merupakan intipati yang penting dalam penubuhan institusi pengajian pondok khususnya di negeri Kelantan. Justeru, walaupun institusi pengajian pondok tidak mencapai kegemilangan sebagaimana dahulu dalam realiti semasa, namun pengekalan institusi ini sebagai warisan pendidikan Islam turun temurun telah menunjukkan kepentingannya ke arah menjana budaya dan kefahaman ilmu Islam dalam masyarakat sehingga kini.

## RUJUKAN

- Ab. Razak Mahmud. (2005). *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Mohd Shafiee Hamzah. (2019). *Sejarah Perkembangan Institusi Pengajian Pondok di Negeri Terengganu*. Kuala Nerus : Penerbit UNISZA.

- Abdullah Alwi Hj. Hassan. (1996). *The Administration Of Islamic Law In Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah Bin Hj. Ishak. (1987). *Ke Arah Mengembalikan Identiti Pengajian Pondok di Malaysia* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan, Universiti Malaya, 1987).
- Abdullah Ishak. (1990). *Islam Di Nusantara :Khususnya Di Tanah Melayu*. Selangor: Al-Rahmaniah (Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia)
- Abdullah Jusoh. (1990). *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Ainatul Fathiyah Abdul Rahim & Mohamad Zaini Abu Bakar. (2015). Glokasi dan cabaran sekolah pondok di Malaysia. Dalam Salasiah Che Lah (ed.), *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian dalam Kearifan Tempatan* (pp. 20-30) Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2008). Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan. *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*, 36, 68-83.
- Ezad Azraai Jamsari, Noor Inayah Yaakob, Wan Kamal Mujani, Adibah Sulaiman & Kamaruzaman Jusoff. (2011). The Influence of Middle East on The Development of Islamic Education in Kelantan, Malaysia. *Middle East Journal of Scientific Research* 7, 141-150.
- Farrah Wahida Mustafar. (2021). Penyebaran Islam Dalam Ketamadunan Melayu: Satu Tinjauan Awal ke Atas Masyarakat Melayu di Kelantan. *Jurnal JTuaH*, 2, 18-33.
- Fatimi, S.Q. (1963). *Islam Comes To Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd.
- Hall, D. G. E. (1981). *A History Of South East Asia*. Fourth Edition, New York: Palgrave Macmillan
- Hamdan Hassan. (1980). Pertalian pemikiran Malaysia-Acheh dalam tamadun Islam. Dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Tamadun Islam Di Malaysia* (pp. 23-34) Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- HAMKA. (1981). *Dari Perbendaharaan Lama*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Ibnu Khaldun. (2004). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kaherah: Darul Fajar li Turath.
- Ismail Che Daud. (2001). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (1)*. Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Khoo Kay Kim. (1983). *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Mahayuddin Yahya & Ahmad Jelani Halimi. (1996). *Sejarah Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Masyurah Mohd Rawi, Harun Baharuddin, Maimun Aqsha Lubis, Siti Aisyah Romli. (2015). Institusi pondok dalam sistem pendidikan islam di malaysia. Kertas Kerja dibentangkan di *The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (Poltan-Ukm-Polimed)*, Bangi : Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Abu Bakar. (1985). Pondok, Pilihanraya dan Pemerintahan di Kelantan. *Kelantan Dalam Perspektif Sosio Budaya*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, 55-64.

- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Ridzuan Othman. (2001). Masjid al-Haram dan peranannya dalam perkembangan awal pendidikan dan intelektualisme masyarakat Melayu. *Jurnal Usuluddin*, 13, 65-80.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Ahmad Zaki Ibrahim, Abdullah Yusof, Muhamad Fauzi Zakaria & Mhd Faizal Mhd Ramli. (2012). Early history of Islamic education and its expansion in the state of Kelantan, Malaysia. *Middle East Journal of Scientific Research*, 11 (8), 1153-1160.
- Mohd Roslan Mohd Noor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. (2011). Sejarah dan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Ta'dib*, 6 (1), 59-78.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Shahril Nizam Zulkipli, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, Paiz Hassan, Ab. Munir Mohd Noh, Mohd Muhaizam Md Ishak. (2012). Sejarah kedatangan Islam ke Malaysia: Analisa berkaitan kawasan pertapakan Islam yang paling awal di Malaysia. *Kertas Kerja dibentangkan di Simposium Nusantara Ke 9*, Seri Iskandar: UiTM Cawangan Perak.
- Muhs Yusuf Ibrahim. (1997). *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian Dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhamaad Razis Ismail. (10 Mei 2020). Tok Guru Haji Malek Jalan Kaki 155km Demi Ilmu. *Harian Metro*. Dilayari daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/05/576991>
- Nik Mohamed B. Nik Mohd Salleh. (1985). Perkembangan pendidikan atau pengajian Islam di negeri Kelantan. *Warisan Kelantan IV*, 97-107.
- Nur Azuki Yusuff & Nik Kamaliah Nik Abdullah. (2007). Institusi dan sistem pendidikan Islam: Suatu analisa tahap perkembangannya di Kelantan. *Jurnal al-Tamaddun*, 2, 139-160.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode Edisi Kedua*. Tanjung Malim : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Mohamed. (2001). *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Nur Azuki Yusuff, Rohani Desa, Norazlina Zakaria & Norhayati Md. Dahlal. (2010). Institusi pondok sebagai penjana intelektual ummah di Kelantan. *Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Keintelektualan Islam 2010 Peringkat Kebangsaan*. Kota Bharu : UiTM Cawangan Kelantan.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ruzman Mohd Noor, Norhidayah Yusoff & Muhammad Izzuddin Helmi Dzulkifli. (2015). Institusi pondok tradisional sebagai model kearifan Melayu Islam : Antara tradisi dan harapan. Dalam Salasiah Che Lah (ed.), *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian dalam Kearifan Tempatan* (pp. 44-51) Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rahmat Saripan. (1979). *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ramli Saadon, Khairi Arifin & Ishak Saat. (2016). Perkembangan pendidikan orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan western-type-education. *Jurnal Perspektif*, 8 (2), 79-96.

- Rentse, A. (1934). History of Kelantan I. *Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic Society*, 55-59.
- Roff, W.R. (1974). *Kelantan: Religion, Society And Politics In Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rosnani Hashim, Saheed Ahmad Rufai & Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Traditional Islamic education in Asia and Africa A comparative study of Malaysia's pondok , Indonesia's pesantren and Nigeria's traditional madrasah. *World Journal of Islamic History and Civilization (WJIHC)*, 1, 94-107.
- Salmiah Ismail, Zainab Ismail & Salasiah Hamin Hamjah. (2014). Kemapanan institusi pondok di Kelantan: Kajian konsep. *Jurnal Islamiyyat* 36(1), 49-52.
- Sa'ad Shukri Muda. (1971). *Detik-Detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Shaharuddin Pangilun & Farhah Zaidar Mohamed Ramli. (2017). Penyebaran dan perkembangan Islam di Alam Melayu. *Kertas Kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali ke 3 (IRSYAD 2017)*. Kajang : KUIS.
- Suliah Mohd Aris, Baterah Alias, Safinaz Abdul Samat & Fadhilah Adibah Ismail. (2015). Islamisasi di Alam Melayu : Kesan dan pengaruh dalam aspek pendidikan. *Kertas Kerja dibentangkan di ICOMHAC 2015*. Langkawi : UiTM Cawangan Kedah-INSPIN.
- Syed Naguib Al-Attas. (1970). *The Correct Date Of The Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur: Museums Department.
- Wan Hussein Azmi. (1980). Islam di Malaysia: Kedatangan dan perkembangan (abad 7-20 M). Dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Tamadun Islam Di Malaysia* (pp. 10-20) Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2000). *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara Jilid 1*. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah
- Wan Shamsuddin Mohd Yusof. (2012). Sejarah kedatangan Islam di Kedah: hubungan dan peranan Kesultanan Kedah dalam perkembangannya. *Kertas Kerja dibentangkan di Majlis Ceramah Pusat Islam UiTM Cawangan Kedah*. Merbok : CITU UiTM Cawangan Kedah.
- Wheatley, P. (1961). *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur : University of Malaya Press.
- Winstedt, R.O. (1961). *The Malays A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Winstedt, R.O. (1948). *Malaya And Its History*. London: Hutchinson University Library